

TEMA 6

Kenal pasti kata hubung yang terdapat dalam ayat.

- 1 Perindustrian baharu dan amalan pertanian moden boleh mencemarkan sumber air, udara dan tanah.

- 2 Tindakan undang-undang hendaklah dikenakan kepada individu yang melakukan pencemaran alam.

- 3 Alisha dan keluarga terlibat dalam Program Kitar Semula anjaran taman perumahan.

- 4 Para murid berkumpul di dewan untuk mendengar ceramah alam sekitar.

- 5 Program tanam semula pokok ditangguhkan kerana kekurangan dana.

- 6 “Kamu hendak menyertai pertandingan melukis poster atau pertandingan deklamasi sajak sempena Bulan Kebangsaan?” tanya Qalish.